Lau Kim Long lwn Ong Kwai Chan dan satu lagi

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — GUAMAN SIVIL NO S4–31–545 TAHUN 1997
RAHMAH HUSSAIN H
30 MAC 2002

Pewarisan *— Pesaka kecil — Bantahan terhadap suratkuasa pentadbiran — Pencelah-pencelah memfailkan saman dalam kamar bahawa suratkuasa pentadbiran terbatal dan tidak berkesan — Pemohon membangkitkan bantahan awal — Sama ada saman dalam kamar yang difailkan oleh pencelah bertentangan dengan s 19(4) Akta Harta Pesaka Kecil (Pembahagian) 1955 — Sama ada saman dalam kamar yang difailkan oleh pencelah merupakan permulaan prosiding yang betul — Akta Harta Pesaka Kecil (Pembahagian) 1955 ss 13 & 19(4) — Keadah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 71 & A 72 k 2(1)*

Ong Peng Hong, simati, telah meninggal dunia pada 25 September 1993. Pada waktu kematiannya, beliau memiliki ½ bahagian ke atas sebidang tanah yang dipegang dan dikenali sebagai No GM Mukim 353, Lot 1959, Mukim Tupai, Daerah Larut dan Matang, Perak ('hartanah tersebut'). Pemohon di dalam prosiding ini merupakan isteri kepada simati, manakala bakal pencelah-pencelah pula adalah anak-anak simati. Terdahulu dari itu, sebelum prosiding ini didengar di sini, permohonan pemohon bagi mendapatkan suratkuasa pentadbiran telah dibenarkan dan dikeluarkan oleh Pihak Pentadbir Tanah Larut dan Matang pada 20 Mei 1994. Pencelah-pencelah seterusnya memfailkan satu saman dalam kamar pada 20 Mei 1999 di kandungan 16 untuk perintah-perintah, antara lain, bahawa suratkuasa pentadbiran bertarikh 20 Mei 1994 yang dikeluarkan di bawah s 13 Akta Harta Pesaka Kecil (Pembahagian) 1955 ('Akta tersebut') adalah terbatal dan tidak berkesan terhadap tanah yang dipegang di bawah hartanah tersebut. Di permulaan pendengaran ini, pemohon telah membangkitkan satu bantahan awal iaitu: (i) saman dalam kamar yang bertarikh 20 Mei 1999 difailkan oleh pihak pencelah bertentangan dengan s 19(4) Akta tersebut; dan (ii) saman dalam kamar bertarikh 20 Mei 1999 yang difailkan oleh pihak pencelah tidak merupakan cara permulaan prosiding yang betul, memandangkan wujudnya A 72 k 2(1) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT').

Diputuskan, membenarkan bantahan permulaan pemohon dan membatalkan kandungan 16 dengan kebebasan diberikan kepada pihak pencelah bagi memfailkan semula permohonan mereka secara writ:

(1) Pihak Pentadbir Tanah Larut dan Matang telah membuat keputusan yang betul apabila merujukkan permohonan pemohon untuk suratkuasa tadbir ke Mahkamah Tinggi di bawah s 19(4) Akta tersebut setelah menerima bantahan bertulis daripada pencelah-pencelah. Jika s 19(4) Akta tersebut dibaca secara

'literal', adalah jelas bahawa sebarang keputusan terhadap sesuatu rujukan hanya akan diberi setelah pihak-pihak yang akan menerima kesan akibat keputusan tersebut diberi peluang untuk hadir serta membentangkan kes mereka di hadapan mahkamah (lihat ms 751B–D).

(2) Dalam kes ini, memandangkan terdapat pertikaian terhadap wasiat simati serta cara mana suratkuasa tadbir di pejabat tanah tersebut diperolehi oleh pemohon, maka adalah menjadi kewajipan dan tanggungjawab mahkamah untuk mendengar kedua-dua belah pihak berkaitan isu-isu yang menjadi perkara hal rujukan tersebut. Di samping itu, tindakan pencelah di dalam memfailkan kandungan 16 adalah tidak wajar dan dianggap sebagai satu tindakan pra-awal. Tambahan pula, jika permohonan pencelah-pencelah di kandungan 16 yang berbentuk 'declaratory' didengar di peringkat ini, ia akan menidakkan hak-hak pemohon di bawah undang-undang untuk membentangkan kes beliau di hadapan mahkamah ini berkaitan isu yang dipertikaikan di sini (lihat ms 751E–F).

(3) Pada dasarnya, mana-mana pihak yang ingin membuktikan sesuatu wasiat untuk probet boleh memilih untuk memfailkan satu petisyen di bawah A 71 ataupun A 72 KMT. Perbezaan di antara kedua-dua permohonan ini ialah permohonan di bawah A 71 dibuat apabila pemohon menjangkakan tidak akan timbul sebarang bantahan daripada mana-mana pihak terhadap permohonan beliau. Walau bagaimanapun, jika pemohon menjangkakan bahawa permohonan beliau akan dicabar oleh mana-mana pihak, maka permohonan tersebut wajar dibuat di bawah A 72 KMT (lihat ms 752A–B).

(4) Dalam kes sekarang, fakta di mana rujukan ini sendiri telah dibuat oleh pihak Pentadbir Tanah Daerah Perak Utara ke Mahkamah Tinggi setelah menerima bantahan daripada pihak pencelah, jelas dengan sendirinya menunjukkan bahawa saman dalam kamar yang bertarikh 20 Mei 1999 oleh pencelah merupakan cara permulaan prosiding yang tidak betul. Aturan 72 yang terdapat dalam KMT dibuat bagi mendengar permohonan di mana terdapat pertikaian berkaitan wasiat si mati (lihat ms 752B–C).

[English summary

Ong Peng Hong, the deceased, passed away on 25 September 1993. At the time of his death, he owned a $^1/_2$ share in a piece of land held and known as GM Mukim No 353, Lot 1959, Mukim Tupai, Daerah Larut dan Matang, Perak ('the property'). The applicant in these proceedings was the deceased's wife, whereas the intended interveners were the deceased's children. Prior to these proceedings being heard here, the applicant's application for letters of administration was allowed and issued by the Land Administrator of Larut and Matang

on 20 May 1994. The interveners subsequently filed a summons in chambers on 20 May 1999 in encl 16 for orders, inter alia, that the letters of administration dated 20 May 1994 issued under s 13 of the Small Estates (Distribution) Act 1955 ('the Act') was void and ineffective against the land held under the property. At the commencement of this hearing, the applicant raised a preliminary objection, ie: (i) that the summons in chambers dated 20 May 1999 was filed by the interveners contrary to s 19(4) of the Act; and (ii) that the summons in chambers dated 20 May 1999 filed by the interveners was not the proper mode to commence the proceedings in view of O 72 r 2(1) of the Rules of the High Court 1980 ('RHC'). A B C

Held, allowing the preliminary objection and striking out encl 16 with liberty to the interveners to refile their application by way of writ:

(1) The Land Administrator of Larut and Matang was correct in referring the application for the letters of administration to the High Court under s 19(4) of the Act, after receiving a written objection from the interveners. If s 19(4) of the Act were to be read literally, it would be clear that any decision against any referral would only be given after the parties affected by the decision were given an opportunity to be present and to present their case before the court (see p 751B–D). D

(2) In this case, since the deceased's will and how the letters of administration from the land office were obtained by the applicant were in dispute, it was the responsibility of the court to hear both sides on the issues that were the subject matter of the referral. Moreover, the act of the interveners in filing encl 16 was not appropriate and was viewed as a premature action. In addition to that, if the interveners' declaratory application in encl 16 were heard at this stage, it would negate the rights of the applicant under the law to present the applicant's case before the court concerning the disputed issue (see p 751E–F). E F

(3) Basically, any party wishing to prove a will for probate could choose to file a petition under O 71 or O 72 of the RHC. The difference between the two was that the application under O 71 was to be made when the applicant did not expect any objection from any party to his application. In any event, if the applicant expected his application to be challenged by any party, the application should be made under O 72 of the RHC (see p 752A–B). G H

(4) In the instant case, the fact that the referral was personally made by the Land Administrator of the District of North Perak to the High Court after the interveners objected to it clearly showed that the summons in chambers dated 20 May 1999 by the interveners was not the proper mode of commencement of the proceedings. Order 72 of the RHC was made for the hearing of an application where the will of the deceased was disputed (see p 752B–C).] I

A **Nota-nota**

Untuk kes-kes mengenai pesaka kecil, lihat 11 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1996 Reissue) perenggan-perenggan 2036–2045

Kes-kes yang dirujuk

B *Arab Malaysian Credit Sdn Bhd v Tan Seang Meng* [1995] 1 MLJ 525 (dirujuk)

Lee Lee Cheng (f) v Seow Peng Kwang [1960] MLJ 1 (dirujuk)

Ng Hee Thoong & Anor v Public Finance Bhd [1995] 1 MLJ 281 (dirujuk)

C *Rediffusion (Hong Kong) Ltd v A-G of Hong Kong & Anor* [1970] AC 1136 (dirujuk)

Sakapp Commodities (M) Sdn Bhd v Cecil Abraham (Executor of the estate of Hoo Cheng Ghee) [1994] 4 MLJ 651 (dirujuk)

D **Undang-undang yang dirujuk**

Akta Harta Pesaka Kecil (Pembahagian) 1955 ss 13, 19(4)

Kanun Tanah Negara 1965 s 326

Kaedah-Kaedah Makhamah Tinggi 1980 A 5 k 4(2)(b), A 32 k 13(2), A 71, A 72 k 2(1), A 92 k 4

E *Kong Chee Phang* (*Kong & Associates*) bagi pihak pemohon.

CW Teo (*Khaw & Partners*) bagi pihak pencelah-pencelah.

Rahmah Hussain H: Fakta-fakta ringkas kes ini adalah seperti berikut. Ong Peng Hong, si mati, telah meninggal dunia pada 25 September 1993. Pada waktu kematiannya, beliau memiliki ½ bahagian ke atas sebidang F tanah yang dipegang dan dikenali sebagai No GM Mukim 353, Lot 1959, Mukim Tupai, Daerah Larut dan Matang, Perak ('hartanah tersebut').

Pemohon di dalam prosiding ini merupakan isteri kepada si mati, manakala bakal pencelah-pencelah pula adalah anak-anak si mati. Terdahulu dari itu, sebelum prosiding ini didengar di sini, permohonan pemohon bagi mendapatkan suratkuasa pentadbiran telah dibenarkan dan G dikeluarkan oleh Pejabat Tanah Taiping pada 20 Mei 1994 ('suratkuasa pentadbir tersebut').

Dalam pada itu, bakal pencelah pula telah memfailkan satu petisyen iaitu S4–32–92–94 untuk probet di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur yang kemudiannya dipinda melalui perintah mahkamah pada 15 Jun 1994 H berkenaan wasiat si mati bertarikh 1 Ogos 1990, di mana di antara lain, si mati telah melantik mereka sebagai wasi dan pemegang amanah ½ bahagian hartanah tersebut. Geran probet telah dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi pada 11 Ogos 1994. Walau bagaimanapun, apabila bakal pencelah-pencelah memohon untuk memindah milik hartanah tersebut kepada diri mereka sendiri, pentadbir tanah tersebut telah menolak permohonan I mereka pada 29 Mac 1997 di atas alasan bahawa pindahmilik ke atas hartanah tersebut telah didaftarkan ke atas nama pemohon pada 26 Oktober 1994 menerusi Per No 672/94 Jld 34 Folio 9.

Bakal pencelah kedua kemudiannya telah memohon melalui borang 19B, Kanun Tanah Negara 1965 untuk memasukkan kaveat persendirian ('kaveat persendirian tersebut') pada 25 September 1997 bagi melindungi kepentingannya ke atas hartanah tersebut. Apabila Pentadbir Tanah Taiping menerima bantahan bertulis bertarikh 1 Ogos 1997 daripada bakal pencelah, beliau terus memindahkan fail permohonan suratkuasa Pentadbiran Pemohon No 82–32–92 tahun 1994 kepada Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 3 November 1997. Fail tersebut kemudiannya telah didaftarkan sebagai No S4–31–545–97.

Bakal pencelah telah menerima borang 19C iaitu notis mengenai cadangan hendak memotong kaveat di bawah s 326 Kanun Tanah Negara 1965 pada 1 Jun 1998 ('notis tersebut') secara pos daripada Jabatan Tanah dan Galian, Wilayah Persekutuan. Beliau kemudiannya memfailkan satu saman dalam kamar (kandungan 5) di Mahkamah Tinggi bagi kebenaran untuk mencelah dalam prosiding ini dan juga supaya kaveat persendirian tersebut dilanjutkan sehingga mahkamah membuat keputusan dalam prosiding ini. Bakal pencelah juga memohon supaya Pentadbir Tanah dan Daerah Larut dan Matang diarahkan untuk membuat pengindorsan ke atas dokumen hakmilik daftaran tanah tersebut berkaitan perintah lanjutan masa tersebut. Setelah mendengar penghujahan kedua-dua belah pihak, saya telah membenarkan permohonan bakal pencelah-pencelah pada 12 April 1999 untuk perintah-perintah seperti yang dipohon oleh mereka di kandungan 5.

Pencelah-pencelah seterusnya memfailkan satu saman dalam kamar pada 20 Mei 1999 di kandungan 16 untuk perintah-perintah seperti berikut:

(1) deklarasi bahawa suratkuasa pentadbiran bertarikh 20 Mei 1994 yang dikeluarkan oleh Pentadbir Tanah Larut dan Matang di bawah s 13 Akta Harta Pesaka Kecil (Pembahagian) 1955 ('Akta tersebut') adalah terbatal dan tidak berkesan terhadap tanah yang dipegang di bawah Hakmilik No GM 353, Lot 1959, Mukim Tupai, Daerah Larut dan Matang;

(2) bahawa pemohon dikehendaki menyerahkan suratkuasa yang asal kepada Pentadbir Tanah Larut dan Matang dalam tempoh tujuh hari daripada tarikh perintah, dan Pentadbir Tanah Larut dan Matang mesti meminda suratkuasa tersebut untuk membatalkan segala rujukan kepada tanah tersebut;

(3) bahawa pemohon diarahkan untuk menyerahkan kepada peguamcara pencelah-pencelah, dalam tempoh tujuh hari daripada tarikh perintah, dokumen hakmilik keluaran bagi hartanah tersebut;

(4) bahawa Pentadbir Tanah Larut dan Matang dikehendaki membatalkan pindahan yang didaftarkan mengikut Perserahan No 672/94 Jilid 34, Folio 9 pada 26 Oktober 1994, iaitu pindahan daripada Ong Peng Hong (si mati) kepada Lau Kim Long (sebagai wakil) dan mengindorskan pembatalan tersebut atas dokumen hakmilik keluaran tanah tersebut dalam tempoh tujuh hari dari tarikh penyerahan dokumen hakmilik keluaran bagi tanah tersebut kepadanya bagi tujuan tersebut;

A (5) kos; dan

(6) lain-lain perintah yang mahkamah yang mulia ini fikir adil dan suaimanfaat.

Di permulaan pendengaran kandungan 16 ini, peguamcara pemohon telah membangkitkan satu bantahan awal iaitu:

B

(a) adakah saman dalam kamar yang bertarikh 20 Mei 1999 difailkan oleh pihak pencelah bertentangan dengan s 19(4) Akta tersebut?;

(b) adakah saman dalam kamar bertarikh 20 Mei 1999 yang difailkan oleh pihak pencelah merupakan cara permulaan prosiding (mode of proceeding) yang betul, memandangkan wujudnya A 72 k 2(1), Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT')?

C

Dan jikalau mahkamah memutuskan cara tersebut, adakah cara di luar aturan maka perlukah mahkamah memerintahkan pencelah supaya menukarkan cara prosiding tersebut kepada cara writ?

D Peguamcara pemohon telah menghujahkan bahawa apabila pihak Pentadbir Tanah Daerah Larut dan Matang merujuk kepada Mahkamah Tinggi permohonan suratkuasa mentadbir pihak pemohon di bawah s 19(4) Akta tersebut setelah menerima bantahan dari pencelah-pencelah, maka peruntukan s 19(4) jelas menghalang mahkamah daripada membuat apa-apa keputusan berkaitan rujukan tersebut, kecuali setelah mendengar E semua pihak yang akan dipengaruhi oleh keputusan tersebut. Seksyen 19(4) Akta tersebut berbunyi seperti berikut:

> The High Court shall not give any opinion upon any question referred to it under this section unless all those persons interested in the proceeding who, in the opinion of the High Court, are likely to be affected by the opinion have had an opportunity to appear and be heard by the court either in person or by advocate, and the cost of any such hearing shall be borne by such persons or by the estate and in such proportions as the court may direct.

F

Menurut peguam seterusnya, memandangkan mahkamah belum lagi menetapkan apa-apa tarikh bicara untuk mendengar dan memberi pendapat atau keputusan terhadap rujukan tersebut, maka tindakan pihak G pencelah di dalam memfailkan permohonan di kandungan 16, dianggap sebagai pra-awal dan melanggar peruntukan s 19(4) Akta tersebut.

Pada masa yang sama, peguam tersebut juga menghujahkan bahawa tindakan probet yang melibatkan pertikaian sesuatu wasiat hendaklah dimulakan dengan cara writ berdasarkan peruntukan di bawah A 72 k 2(1) H KMT iaitu:

> A probate action must be begun by writ, and the writ must be issued out of the Registry.

Peguamcara pemohon juga menyatakan bahawa permohonan pencelah di kandungan 16 yang dibuat secara saman dalam kamar adalah bertentangan I dengan prinsip perundangan yang menyatakan bahawa jika terdapat pertikaian fakta-fakta, maka prosiding yang terpakai adalah menerusi tindakan writ. Beliau juga telah merujuk kepada A 5 k 4(2)(b) KMT di atas

alasan bahawa terdapat beberapa percanggahan dan pertikaian fakta seperti mana yang telah ditunjukkan oleh afidavit-afidavit yang telah difailkan oleh kedua-dua belah pihak. A

Manakala peguam pencelah-pencelah pula telah membantah penggunaan afidavit balasan pemohon yang telah diikrarkan dan disampaikan kepada beliau pada 16 Julai 1999 di atas alasan ia tidak mematuhi A 32 k 13(2) KMT yang memperuntukkan bahawa pihak yang ingin menjawab afidavit yang ingin disampaikan kepada beliau, mestilah memfailkan afidavit beliau serta menyampaikan kepada pihak satu lagi dalam masa 14 hari dari tarikh afidavit yang ingin dijawab oleh beliau telah disampaikan kepada beliau. B

Peguam pencelah juga telah menghujahkan bahawa mahkamah hendaklah menerima fakta-fakta yang telah dideposkan di dalam afidavit sokongan pencelah kedua di kandungan 6 di atas alasan bahawa pemohon tidak memfailkan apa-apa jawapan terhadap kandungan 6 tersebut. Keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes *Ng Hee Thoong & Anor v Public Finance Bhd* [1995] 1 MLJ 281 telah dirujuk oleh beliau bagi menyokong penghujahan beliau. C D

Selanjutnya, peguam tersebut telah membentangkan kronologi fakta-fakta kes ini sejak Ong Peng Hong meninggal dunia pada 25 September 1993 setelah meninggalkan wasiatnya yang dibuat pada 1 Ogos 1990 sehingga tarikh 3 November 1997, apabila Pentadbir Tanah Daerah Larut dan Matang merujukkan fail permohonan suratkuasa tadbir pemohon ke Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur. Peguam tersebut juga telah membuat rujukan kepada s 19(4) Akta tersebut dan mengakui bahawa kes ini adalah hasil rujukan yang dibuat oleh Pejabat Pembahagian Harta Pesaka Perak Utara, tanpa membuat huraian lanjut berkaitan seksyen tersebut. E

Di samping itu, peguam pencelah telah menghujahkan bahawa pemohon diestop daripada mengemukakan bantahan awal ini di atas alasan pemohon sepatutnya menimbulkan isu bantahan awal ini semasa pendengaran permohonan pencelah untuk mencelah di dalam prosiding ini di kandungan 5. Malah, tindakan pemohon menimbulkan isu ini di peringkat sekarang tidak menyebelahi mereka lebih-lebih lagi apabila mahkamah sendiri telah membenarkan permohonan pencelah-pencelah untuk mencelah dalam prosiding ini. Pencelah kemudiannya merujuk kepada A 92 k 4 KMT dan menghujahkan bahawa mahkamah ini mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan permohonan pencelah di kandungan 16. Kes-kes seperti *Lee Lee Cheng (f) v Seow Peng Kwang* [1960] MLJ 1 dan *Arab Malaysian Credit Sdn Bhd v Tan Seang Meng* [1995] 1 MLJ 525 yang menyentuh tentang bidang kuasa mahkamah juga telah dirujuk oleh peguam pencelah. Oleh itu, menurut beliau, isu pra-awal yang ditimbulkan oleh pemohon adalah tidak berasas kerana mahkamah jelas mempunyai bidang kuasa yang sedia ada untuk mendengar dan membenarkan permohonan pencelah di kandungan 16. F G H

Peguam pihak pencelah juga tidak bersetuju dengan hujahan pemohon bahawa mereka tidak boleh membuat permohonan seperti di kandungan 16 selagi mahkamah tidak membuat keputusan terhadap rujukan yang dibuat I

oleh Pejabat Pembahagian Pesaka Perak Utara. Menurut beliau, apa yang perlu diputuskan oleh mahkamah di sini adalah sama ada pentadbir tanah tersebut mempunyai kuasa untuk memberikan suratkuasa tersebut di bawah Akta tersebut memandangkan simati telah meninggalkan wasiat dan geran probet pula telahpun dikeluarkan oleh mahkamah. Oleh itu, menurut peguam pihak pencelah, suratkuasa tersebut yang dikeluarkan oleh Pentadbir Tanah Larut dan Matang adalah terbatal dan tidak sah.

Meneliti kembali penghujahan yang dibuat oleh kedua-dua belah pihak serta merujuk kepada undang-undang yang sedia ada, saya berpendapat bahawa pihak Pentadbir Tanah Larut dan Matang telah membuat keputusan yang betul apabila merujukkan permohonan pemohon untuk suratkuasa tadbir ke Mahkamah Tinggi di bawah s 19(4) Akta tersebut setelah menerima bantahan bertulis daripada pencelah-pencelah. Adalah pendapat saya bahawa jika s 19(4) Akta tersebut dibaca secara 'literal' iaitu 'The High Court shall not give any opinion upon any question referred to it ... unless all those persons interested in the proceeding, who in the opinion of the court, are likely to be effected by the opinion, have had an opportunity to appear and be heard by the court ...', maka adalah jelas bahawa sebarang keputusan terhadap sesuatu rujukan hanya akan diberi setelah pihak-pihak yang akan menerima kesan akibat keputusan tersebut diberi peluang untuk hadir serta membentangkan kes mereka di hadapan mahkamah.

Dalam kes ini, memandangkan terdapat pertikaian terhadap wasiat simati serta cara mana suratkuasa tadbir di pejabat tanah tersebut diperolehi oleh pemohon, maka saya berpendapat bahawa ia menjadi kewajipan dan tanggungjawab mahkamah untuk mendengar kedua-dua belah pihak berkaitan isu-isu yang menjadi perkara hal rujukan tersebut. Di samping itu, saya juga berpendapat bahawa tindakan pencelah di dalam memfailkan kandungan 16 adalah tidak wajar dan dianggap sebagai satu tindakan pra-awal. Tambahan pula, jika permohonan pencelah-pencelah di kandungan 16 yang berbentuk 'declaratory' didengar di peringkat ini, ia akan menidakkan hak-hak pemohon di bawah undang-undang untuk membentangkan kes beliau di hadapan mahkamah ini berkaitan isu yang dipertikaikan di sini. Di dalam kes *Sakapp Commodities (M) Sdn Bhd v Cecil Abraham (executor of the estate of Hoo Cheng Ghee)* [1994] 4 MLJ 651, Gopal Sri Ram HMR bagi pihak Mahkamah Rayuan, telah menyatakan seperti berikut di ms 661:

> ... the remedy of declaration may be refused upon settled principle. Thus, generally speaking, the court will not grant a declaratory judgment where an adequate alternate remedy is available ... or upon hypothetical issues or upon an issue of no practical consequence ... or where it may be premature to grant a declaration (*Rediffusion (Hong Kong) Ltd v A-G of Hong Kong & Anor* [1970] AC 1136 ...

Berkaitan isu sama ada permohonan pencelah-pencelah di kandungan 16 merupakan cara permulaan yang betul memandangkan wujudnya A 72 k 2(1) KMT, saya terlebih dahulu akan melihat dan meneliti faktor-faktor yang mengelilingi sesuatu tindakan secara keseluruhan. Pada

dasarnya, mana-mana pihak yang ingin membuktikan sesuatu wasiat untuk probet boleh memilih untuk memfailkan satu petisyen di bawah A 71 ataupun A 72 KMT. Perbezaan di antara kedua-dua permohonan ini ialah permohonan di bawah A 71 dibuat apabila pemohon menjangkakan tidak akan timbul sebarang bantahan dari mana-mana pihak terhadap permohonan beliau. Walau bagaimanapun, jika pemohon menjangkakan bahawa permohonan beliau akan dicabar oleh mana-mana pihak, maka permohonan tersebut wajar dibuat di bawah A 72 KMT.

Dalam kes sekarang, saya berpendapat bahawa fakta di mana rujukan ini sendiri telah dibuat oleh pihak Pentadbir Tanah Daerah Perak Utara ke Mahkamah Tinggi setelah menerima bantahan daripada pihak pencelah, jelas dengan sendirinya menunjukkan bahawa saman dalam kamar yang bertarikh 20 Mei 1999 oleh pencelah merupakan cara permulaan prosiding yang tidak betul. Aturan 72 yang terdapat dalam KMT dibuat bagi mendengar permohonan di mana terdapat pertikaian berkaitan wasiat si mati.

Oleh yang demikian, bantahan permulaan pemohon dibenarkan dan kandungan 16 dibatalkan di sini dengan kebebasan diberikan kepada pihak pencelah bagi memfailkan semula permohonan mereka secara writ. Saya juga memerintahkan supaya kos prosiding ini adalah kos dalam kausa.

Perintah seperti dipohon.

Dilaporkan oleh Peter Ling